

Memperingati inti pati perjuangan Dato' Onn

Perhimpunan 26 Februari di Batu Pahat kenang jasa wira

Oleh Ismail Adnan

PADA Februari 60 tahun lalu, Dato' Onn Jaafar telah mempelopori satu gerakan massa bagi menyatukan orang Melayu. Kemuncak cetusan itu menghasilkan satu gerakan hingga wujud perhimpunan lebih 10,000 orang Melayu di Batu Pahat (Bandar Penggaram), Johor pada 10 Februari 1946.

Tumpuan ke arah penentangan terhadap Malayan Union itu kemudiannya menjadi wabak yang merebak ke negeri-negeri lain, menggerakkan penyatuan orang Melayu melalui sebuah pertubuhan di peringkat kebangsaan yang dikenali sebagai Pertubuhan Melayu Semenanjung. Pertubuhan inilah yang sebenarnya menjadi asas kepada wujudnya Umno yang ditubuhkan pada 11 Mei 1946 di Istana Besar, Johor Bahru dan Dato' Onn sendiri menjadi Presiden pertama Umno.

Dalam melewati sejarah kebangkitan negara bangsa dan kecemerlangannya hari ini, amat wajar untuk Dato' Onn diingati dan dikenang bukan sekadar kerana budinya yang besar kepada orang Melayu, tetapi juga kerana peribadinya yang luhur serta perjuangannya yang ikhlas dan jujur.

Sebagai seorang nasionalis, kebijaksanaannya begitu terserlah sementara wataknya yang tenang tetapi tegas itu berjaya menambat hati orang Melayu untuk menyokong perjuangannya dalam mempertahankan



DATO' ONN: Pejuang bangsa yang ikhlas berjuang.

kan maruah bangsa dan ketuanan Melayu. Dia seterusnya berjuang untuk mendaulatkan negara melalui kemerdekaan - satu perjuangan yang kemudiannya dilanjutkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra bersama pemimpin yang lain.

Dato' Onn juga memiliki pandangan jauh dalam menyatukan seluruh rakyat negara ini tanpa mengira bangsa dan keturunan dalam satu ideologi politik. Tetapi sungguh malang, kesan sikapnya yang terbuka dan antiperkauman ketika itu menyebabkan dia ditolak oleh orang Melayu yang sekali gus meminggirkan dia daripada pentas

politik negara ini.

Menteri Kewangan Tanah Melayu yang pertama, Tan Siew Sin pernah berkata, "Kesilapan beliau (Dato' Onn), kalau perkataan itu tepat saya gunakan ialah kerana beliau telah memikirkan sesuatu yang lebih jauh daripada masa hidupnya. Saya tidak ragu-ragu masa akan mengesahkan pandangan jauhnya itu; mewujudkan sebuah parti politik berbilang kaum di negara ini." Ternyata saranan Dato' Onn menjadi kenyataan dengan tertubuhnya Parti Perikatan dan kini dinamakan Barisan Nasional.

Perdana Menteri Malaysia Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya ketika melancarkan buku *Reflection of Pre-Independence Malaya* antara lain mengatakan, "Hanya Dato' Onn sahaja yang dapat dianggap sebagai pejuang Melayu yang pertama memimpin perjuangan negara menentang British. Kerana beliau adalah Umno ditubuhkan dan disebabkan Umno kita berjaya menentang Malayan Union dan akhirnya mencapai kemerdekaan. Ternyata Dato' Onn bertanggungjawab di atas kemerdekaan negara kita dan kita perlu ingat dan menghargai jasanya setiap masa."

Perdana Menteri kita, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi juga mengungkapkan, "Dato' Onn telah memberi sumbangan yang besar dengan memastikan semua orang Melayu bersatu dan mengenal pasti diri mereka sebagai orang Melayu, tidak lagi sebagai orang Johor,

“ Tanpa Perikatan antara Umno, MCA dan MIC, kita tidak akan mencapai kemerdekaan. Generasi hari ini berhutang budi kepada Dato' Onn”

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

orang Kelantan, orang Kedah atau orang Pulau Pinang. Mereka dikenali sebagai orang Melayu yang bersatu di bawah satu parti baru yang ditubuhkan beliau, iaitu Umno. Tanpa Umno tidak akan lahir Perikatan, tidak akan ada Tunku Abdul Rahman. Tanpa Perikatan antara Umno, MCA dan MIC, kita tidak akan mencapai kemerdekaan. Dengan itu generasi hari ini sangat berhutang budi kepada Dato' Onn yang telah menanamkan benih awal perjuangan bagi mencapai kemerdekaan."

Selaras dengan kesedaran itu, Badan Perhubungan Umno Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor akan menganjurkan satu perhimpunan khas bagi memperingati perjuangan Dato' Onn pada 26 Februari di Stadium Batu Pahat, yang akan dihadiri oleh Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi. Dijangka seramai 20,000 orang akan menyertai perhimpunan tersebut.

Perhimpunan ini sebagai memulakan Projek Dato' Onn Pengasas Sebuah Negara Bangsa yang akan dijalankan sepanjang tahun melalui pelbagai aktiviti seperti penyelidikan dan pendokumentasian, pameran, penerbitan buku, konvensyen antarabangsa, perkampungan pelajar, persembahan teater dan sebagainya.

Sesungguhnya Dato' Onn adalah seorang pejuang berjiwa kebangsaan yang mengorbankan lebih separuh daripada usianya berkhidmat untuk bangsa dan negara. Dia dianggap bapa nasionalisme negara dan pengasas sebuah negara bangsa yang bernama Malaysia. Malah dia boleh dianggap sebagai wira moden bagi Malaysia.